

MANUAL MENGENAI BAJET GENDER DI MALAYSIA



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Ministry of Women, Family and Community Development



MANUAL MENGENAI **BAJET GENDER** **DI MALAYSIA**



Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Ministry of Women, Family and Community Development



Diterbitkan oleh
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 1–5, Blok E,
Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2693 0095 Faks: 03 2698 5982
Laman web: www.kpwkm.gov.my

Dengan pembiayaan oleh
Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa
Bersatu Malaysia
www.undp.org.my

ISBN 983-41432-6-5

© KPWKM 2006.
Terbitan pertama 2006

Hak milik terpelihara. Pertanyaan mengenai penerbitan semula atau terjemahan kandungan penerbitan ini hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di alamat seperti di atas.

Direka di Malaysia oleh
Thumb-Print Studio Sdn Bhd
www.thumbprint.com.my

Kata Pengantar oleh Perdana Menteri

Saya mengalu-alu dan menghargai inisiatif bajet gender ini sebagai satu langkah khusus dan mantap ke arah meningkatkan prinsip-prinsip penting mengarusperdanakan gender pentadbiran kerajaan. Dalam konteks pembangunan negara kita pada masa ini, bilangan wanita merupakan separuh daripada jumlah penduduk dan mereka adalah majoriti dalam kebanyakan institusi pengajian tinggi di negara ini. Kita tidak boleh kehilangan sumber yang bernilai ini disebabkan ketidakadilan atau ketidakaksamaan gender dalam sistem pentadbiran kita. Tambahan pula, sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita akan menjadi satu penghalang bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi tetapi juga kepada pembangunan sumber manusia secara keseluruhannya.

Kita sedar bahawa inisiatif bajet gender ini bukan hanya dapat memberi manfaat kepada wanita sahaja. Dengan meneliti bajet dari pelbagai aspek mengenai gender, keperluan yang berbeza bagi setiap individu—perempuan dan lelaki—dapat diberi pertimbangan sewajarnya. Bajet gender menyediakan kaedah atau mekanisme yang mendedahkan jurang atau ketidakadilan gender dalam penyediaan peruntukan bajet. Melalui analisis seumpama ini, kita boleh mengurangkan jurang perbezaan yang wujud dan mengubahsuai perbelanjaan awam supaya selaras dengan keperluan semua rakyat. Ini akan membolehkan kita menggunakan sepenuhnya sumber manusia negara—prasyarat penting bagi kita merealisasikan matlamat untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Globalisasi menjadikan pencapaian matlamat ini lebih mendesak. Dalam usaha untuk meningkatkan daya saing dan menghadapi cabaran dalam era ini, kita tidak boleh menyisih atau meminggirkan mana-mana kumpulan atau golongan rakyat.

Oleh itu, manual ini merupakan alat yang amat bernilai kepada semua kementerian dalam menyediakan penyata bajet mereka. Prosedur yang praktikal dan mudah diguna pakai yang digariskan dalam manual ini adalah berdasarkan kepada Projek Perintis Bajet Gender 2003 yang telah diselaraskan dan disesuaikan dengan situasi di Malaysia. Saya berasa gembira kerana format bajet yang sedia ada boleh diubahsuai dengan mudah untuk melaksanakan bajet gender. Saya



menyeru semua kementerian menggunakan manual ini serta mendapatkan bantuan dan latihan yang disediakan menerusi Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dengan mengemukakan cadangan bajet yang peka gender, kementerian/agensi akan dapat membantu Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan dan agensi masing-masing dalam menentukan keutamaan, merancang dan memantau peruntukan bajet mengikut keperluan perempuan dan lelaki.

Saya menghargai dan berterima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atas usaha menerajui pelaksanaan inisiatif bajet gender. Dengan kejayaan pelaksanaan projek perintis bajet gender, kita yakin untuk menggerakkan inovasi penting ini kepada semua kementerian/agensi lain.

Akhir kata, sukacita saya merakamkan penghargaan khusus kepada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kerana telah menyediakan bantuan teknikal serta Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi atas sumbangan mereka dalam menjayakan projek ini.



DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI
Perdana Menteri Malaysia

Jun 2006

Kata Pengantar oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Penerimaan Malaysia ke atas inisiatif bajet gender membuktikan keazaman dan iltizam kerajaan menangani isu-isu berkaitan dengan wanita. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, iltizam kerajaan telah menghasilkan pelbagai langkah seperti perundangan, dasar, dan aktiviti yang menjurus kepada kesaksamaan gender. Penubuhan kementerian yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap hal ehwal wanita pada tahun 2001 merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperkukuhkan jentera negara dalam meningkatkan kesamaan gender.

Satu daripada objektif utama kementerian adalah untuk memastikan pelbagai perspektif mengenai gender disepadukan dalam penggubalan dasar negara, iaitu bermula daripada perancangan sampailah kepada peringkat pelaksanaan. Kita percaya inisiatif bajet gender yang memberi tumpuan secara langsung kepada bajet negara akan membantu kita mencapai matlamat ini. Teknik bajet gender ini akan membolehkan perancang bajet menghasilkan cadangan bajet yang peka gender. Di samping itu, teknik dan prosedur yang digunakan juga boleh menjadi alat kepada kerajaan untuk menilai dan memantau objektif untuk mencapai kesaksamaan gender.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berasa bangga menjadi agensi utama dalam pembangunan yang dapat memberi impak yang berguna dan bermanfaat kepada kehidupan perempuan dan lelaki dalam negara. Kita juga berasa bangga tergolong dalam beberapa negara di dunia yang terdiri daripada negara maju dan membangun untuk memperkenalkan konsep dan prosedur baru ini dan menyepadukannya ke dalam prosedur piawai mereka. Penerimaan bajet yang peka terhadap gender ini jelas menunjukkan iltizam kita yang ikhlas untuk pembangunan sumber manusia semua rakyat Malaysia. Di samping itu, ia memaparkan iltizam kita yang serius terhadap instrumen antarabangsa seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW).



Inisiatif ini dapat dilaksanakan dalam jangka masa yang singkat walaupun ia melibatkan pelbagai proses, iaitu bermula daripada misi tinjauan dan perbincangan pada tahun 2001. Usaha ini tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa input yang berguna daripada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan inisiatif ini. Oleh itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), khususnya Cik Debbie Budlender, atas bantuan teknikal yang membolehkan usaha ini dilaksanakan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Pemandu yang terdiri daripada Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) atas kerjasama dan sokongan yang telah diberikan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah kerana menyertai Projek Perintis Bajet Gender 2003 yang memulakan fasa pelaksanaan inisiatif penting ini.



DATO' SRI SHAHRIZAT ABDUL JALIL
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jun 2006

Kata Pengantar oleh Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) atas kepimpinan cemerlang dan usaha bersungguh-sungguh beliau dalam mempromosikan isu-isu gender sehingga berjaya meningkatkan status dan kemajuan wanita di Malaysia dan rantau ini. Pusat Pembangunan dan Gender NAM yang baru ditubuhkan, iaitu sebuah institusi antarabangsa yang bertujuan untuk memaju dan mengupayakan wanita merupakan antara sumbangan terpenting KPWKM ke arah meningkatkan kesamaan gender.

Saya mengalu-alukan kejayaan pelaksanaan projek perintis bajet gender di Malaysia dan penerbitan manual ini. Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) berbangga dapat menjadi rakan KPWKM dalam inisiatif bajet gender di Malaysia dengan objektif utamanya—untuk mencapai kesaksamaan gender melalui peruntukan sumber secara saksama bagi memenuhi keperluan yang berbeza—adalah selaras dengan prinsip hak asasi manusia, iaitu keadilan dan tanpa diskriminasi sebagaimana yang diperjuangkan oleh UNDP serta seluruh sistem Bangsa-Bangsa Bersatu.


Malaysia telah menunjukkan kemajuan yang besar dalam mencapai kesaksamaan gender dan pengupayaan wanita. Semua kanak-kanak perempuan memasuki sekolah rendah dan kadar enrolmen mereka di peringkat menengah dan tertiar adalah lebih tinggi berbanding lelaki. Di samping itu, petunjuk status kesihatan wanita juga amat baik dan membanggakan. Kadar kematian bayi dan kesihatan ibu semasa bersalin telah mencatat pengurangan sehingga mencapai tahap yang bukan sahaja terendah di rantau ini, tetapi juga hampir sama dengan tahap yang dicapai oleh banyak negara maju.

Walaupun status pendidikan dan kesihatan berada pada tahap yang tinggi, tetapi wanita Malaysia masih kurang dalam pasaran kerja dengan kadar penyertaan tenaga buruh perempuan kekal lebih kurang 47 peratus sepanjang tempoh 35 tahun yang lalu. Situasi ini amat berbeza berbanding dengan beberapa negara jiran seperti Thailand yang mencatat kadar 71 peratus, Singapura 63 peratus dan Brunei Darussalam 60 peratus. Sekiranya wanita Malaysia menyertai tenaga buruh pada kadar yang sama seperti wanita Thailand dan Singapura, tambahan tenaga wanita yang berpotensi untuk bekerja adalah masing-masing seramai 1.6 juta dan 1 juta. Adalah



diharapkan semoga prosedur praktikal dan cadangan konkrit yang digariskan dalam manual ini dapat membantu meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh perempuan di Malaysia dan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing selaras dengan kemajuan ke arah Wawasan 2020 dan matlamat untuk menjadi ekonomi yang maju, berdaya tahan dan berdaya saing yang bersedia sepenuhnya untuk menghadapi cabaran-cabaran era baru.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada KPWK di atas penyeliaan yang cemerlang dalam pelaksanaan inisiatif bajet gender yang membolehkan Malaysia memainkan peranan sebagai perintis dalam bidang-bidang baru dan menjadikan Malaysia sebuah daripada negara terpilih yang melaksanakan konsep GRB yang bermula dari peringkat penterjemahan konsep, pelaksanaan secara perintis kepada kejayaan pelaksanaan. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut serta dalam projek perintis dan menyumbang dalam penyediaan manual ini. Walaupun garis panduan dan prosedur yang terkandung dalam manual ini berdasarkan pengalaman Malaysia, saya berharap ia dapat memberi input yang bernilai kepada negara-negara lain yang berhasrat untuk melaksanakan bajet yang responsif gender.



DR RICHARD LEETE

Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
di Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam

Jun 2006

Kandungan

<i>Kata Pengantar oleh Perdana Menteri</i>	 iii
<i>Kata Pengantar oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</i>	 v
<i>Kata Pengantar oleh Wakil Tetap Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, Singapura, dan Brunei Darussalam</i>	 vii
Pengenalan	 1
1 Bajet Gender di Malaysia	 3
Sejarah bajet gender di Malaysia	
Peranan KPWK	
Rasional pelaksanaan GRB di Malaysia	
Projek perintis bajet gender di Malaysia	
2 Apakah Bajet Gender?	 9
Definisi bajet gender	
Faedah bajet gender	
3 Memahami Konsep-konsep Gender	 13
4 Menjalankan Analisis Bajet Gender	 15
Pendekatan tiga kategori perbelanjaan	
Pendekatan lima langkah	
Jenis data yang diperlukan untuk analisis bajet gender yang berkesan	
Contoh data mengikut pecahan gender	
5 Menjadikan Format Bajet Malaysia Peka Gender	 23
Skop kerja	
Bajet mengurus	
<i>Data mengikut pecahan gender untuk bajet mengurus</i>	
Bajet pembangunan	
<i>Data mengikut pecahan gender untuk bajet pembangunan</i>	
6 Soalan-soalan Lazim Mengenai Bajet Gender	 37
<i>Abreviasi</i>	 41

Bajet gender merupakan konsep pembangunan yang secara relatifnya amat baru bertujuan memasukkan perspektif gender dalam bajet negara. Bajet yang responsif gender akan mengambil kira keperluan dan kepentingan kumpulan penduduk yang berbeza—perempuan dan lelaki—serta bertujuan untuk mengagihkan sumber kerajaan secara saksama supaya keperluan mendesak individu dan kumpulan dapat dipenuhi.

Terma ‘bajet gender’ yang merujuk kepada semua inisiatif bajet yang responsif gender (GRB) digunakan secara meluas dalam manual ini. Inisiatif ini juga dikenal dengan nama yang lain iaitu—‘aktiviti bajet gender’, ‘bajet yang peka gender’, dan ‘analisis bajet gender’—tetapi pada hakikatnya merujuk kepada konsep yang sama.

Pada tahun 1995, hanya beberapa buah negara dan agensi yang terlibat dalam pembajetan gender. Pada masa ini, lebih daripada 60 buah negara di seluruh dunia telah melaksanakan aktiviti bajet gender ini.

Inisiatif GRB di Malaysia (juga dikenal sebagai Projek Analisis Bajet Gender) diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dengan bantuan teknikal dan kewangan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP). Aktiviti bajet gender dilihat sebagai satu cara

yang praktikal untuk mengambil kira gender sebagai satu elemen utama dalam semua aspek pembangunan negara termasuk dasar, perancangan, dan pembajetan.

Menyedari bahawa inisiatif ini perlu disesuaikan mengikut konteks dan keperluan tempatan adalah perlu untuk memastikan kesesuaian dan kemampuannya, maka projek analisis bajet gender memberi tumpuan untuk menjadikan proses bajet Malaysia satu pelaksanaan bajet yang peka gender dan berkesan. Perjanjian Program (ABM-2) yang dikemukakan oleh agensi-agensi kerajaan kepada Kementerian Kewangan bagi memohon bajet mengurus telah menjadi fokus utama dalam proses menyediakan bajet yang peka gender. Projek ini telah dimulakan melalui pendekatan perintis, iaitu dilaksanakan di kalangan Kementerian dan program terpilih dengan harapan metodologi pembajetan gender ini dapat diperkukuhkan sebelum penggunaannya diperluas kepada agensi kerajaan yang lain.

Kementerian perintis terdiri daripada Kementerian Pendidikan (kemudian dipecahkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi), Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (kemudian dinamakan Kementerian Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah), semuanya mempunyai bajet yang secara relatifnya besar yang merangkumi sektor ekonomi dan sosial. Program-program dipilih daripada bajet mengurus dan pembangunan bagi menilai penggunaan pendekatan ini dalam kedua-dua bajet tersebut.

Latihan merupakan elemen utama dalam Projek Analisis Bajet Gender kerana kemahiran analisis gender penting bagi membolehkan pegawai bajet menghasilkan penyata bajet yang peka gender dengan lebih berkesan. Bagi melahirkan lebih ramai pakar bajet gender tempatan, beberapa siri bengkel latihan kepada pegawai daripada kementerian perintis serta pegawai Kementerian Kewangan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan (UPP) telah dilaksanakan.

Manual ini disediakan dengan susun atur yang sesuai bagi kegunaan pegawai-pegawai berkenaan sebagai sumber rujukan dan panduan praktikal dalam melatih pegawai-pegawai lain apabila pembajetan gender diperluas kepada agensi-agensi kerajaan yang lain. Manual ini mengandungi enam bahagian, iaitu:

BAHAGIAN 1: Bajet Gender di Malaysia menyediakan maklumat mengenai latar belakang aktiviti bajet gender di Malaysia dan menjelaskan secara ringkas mengenai projek perintis.

BAHAGIAN 2: Apakah Bajet Gender? membincangkan definisi pembajetan gender dan faedahnya secara umum.

BAHAGIAN 3: Memahami Konsep-konsep Gender memberi penjelasan dengan menggunakan kaedah yang mudah difahami mengenai beberapa konsep umum yang digunakan pakai dalam membincangkan gender dan bajet.

BAHAGIAN 4: Menjalankan Analisis Bajet Gender menyediakan panduan bagaimana melaksanakan analisis bajet gender yang merupakan elemen utama dalam aktiviti bajet gender dan membincangkan jenis data yang diperlukan untuk membuat analisis yang berkesan.

BAHAGIAN 5: Menjadikan Format Bajet Malaysia Peka Gender memberi penjelasan mengenai kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kementerian perintis dalam mengubahsuai format piawai bajet bagi mencerminkan gender dengan menggunakan contoh pengubahsuaian dalam bajet mengurus dan pembangunan.

BAHAGIAN 6: Soalan-soalan Lazim Mengenai Bajet Gender menyediakan jawapan kepada soalan yang kerap dikedemukakan mengenai pembajetan gender.

Senarai abreviasi serta maksudnya disediakan di bahagian akhir manual.

Sejarah bajet gender di Malaysia

Inisiatif untuk memperkenalkan bajet gender di Malaysia bermula pada tahun 2000 melalui ucapan Perdana Menteri kepada Jawatankuasa Pemandu Serantau Wanita di Asia-Pasifik yang menyentuh mengenai aktiviti bajet gender. Perdana Menteri telah mendapat maklumat mengenai aktiviti bajet gender yang dilaksanakan di negara Komanwel dan negara lain. Beliau menyedari bahawa aktiviti bajet gender merupakan satu langkah yang praktikal dan sesuai untuk mengintegrasikan elemen gender dalam semua aspek pentadbiran kerajaan. Bajet yang responsif gender (GRB) bukan sahaja dapat membantu kerajaan dalam meneruskan komitmennya terhadap pembangunan ekonomi dan pembasmian kemiskinan tetapi juga dapat membantu kerajaan memantau dan menilai impak gender ke atas pelaksanaan dasar dan program pembangunan.

Di samping itu, GRB dapat memperkukuhkan tadbir urus dengan menggalakkan akauntabiliti, penyertaan, dan ketelusan. Kerajaan Malaysia juga sentiasa memberi penekanan terhadap kepentingan mengambil kira perspektif gender dalam perancangan pembangunan dan penyediaan peruntukan

sumber. Sebagai contoh, Dasar Wanita Negara, 1989 telah memberi penjelasan akan keperluan maklumat mengenai kumpulan sasar **dikategorikan mengikut gender** bagi membolehkan penilaian yang sesuai dilaksanakan (lihat Kotak 1).

KOTAK 1 Petikan dari Dasar Wanita Negara, 1989

Kandungan dalam Dasar Wanita Negara yang menyokong keperluan aktiviti bajet gender adalah seperti berikut:

3.1 Prinsip dan panduan utama Dasar Wanita ialah:

(h) Bahawa maklumat mengenai **sasaran** dan kesan rancangan pembangunan hendaklah mengandungi data **keberkesannya terhadap wanita**

4.1 Bagi membantu pihak perancangan dan pelaksanaan dasar pembangunan wanita beberapa strategi diperturunkan bagi menjamin kecekapan, keberkesanan, keselarasan dan keseragaman dasar dan tindakan: ...

(c) Merancang **pengagihan sumber-sumber** kepada pelbagai sektor yang mengendalikan **program berkaitan dengan isu-isu wanita** ...

5 (b) Dalam **penggubalan dasar, perundangan, peraturan dan program** apa juga sektor atau agensi, pertimbangan mestilah dibuat tentang **sumbangan dan implikasinya kepada wanita**; impak dan kesan yang negatif terhadap wanita hendaklah diawasi. Satu **sistem penyelarasan dan kawalan** bagi program-program yang komprehensif hendaklah diwujudkan bagi mengelakkan kesan-kesan negatif dan juga bagi mengesan rintangan dan masalah, sama ada dari segi undang-undang, mahupun dari segi amalan, supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi mengatasinya.

5 (f) ... Kerajaan hendaklah menentukan bahawa segala **pengumpulan data** dan maklumat oleh berbagai-bagai sektor dan agensi kerajaan **mengasing-asingkan butiran maklumat mengenai jantina**. Dengan demikian, keperluan dan kesan program pembangunan dapat dikenal pasti supaya dasar serta tindakan lanjut dapat diambil.

5 (g) Kerajaan hendaklah menentukan bahawa kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan **menggunakan peruntukan yang telah diluluskan** dengan mengubahsuaikan tindakan bagi memenuhi **program dan projek pembangunan wanita**.

Peranan KPWKM

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) telah ditubuhkan pada tahun 2001 dan pada Mac 2004, kementerian ini telah dinamakan sebagai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) setelah ditambah portfolio baharu. Seperti kementerian wanita di negara lain, KPWK bertanggungjawab untuk mempromosikan kesaksamaan gender dan pembangunan wanita dalam semua aspek

pentadbiran negara. (Rujuk Bahagian 3 untuk penerangan terma-terma gender.) Oleh yang demikian, kementerian ini memainkan peranan utama dalam mencapai **objektif pembangunan wanita** di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, **komitmen kesamaan gender** seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan **resolusi kesamaan** gender dalam perjanjian antarabangsa seperti Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). (Lihat Kotak 2.)

KOTAK 2 Apakah CEDAW?

Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) merupakan satu instrumen antarabangsa yang terkenal untuk mencapai kesamaan gender. Kebanyakan negara di dunia telah menerima CEDAW. Malaysia turut menerima CEDAW pada tahun 1995 dan telah mengemukakan satu laporan yang menggabungkan laporan pertama dan kedua mengenai usaha-usaha yang sedang diambil oleh negara dalam mencapai objektif CEDAW.

CEDAW mempunyai 16 artikel dan dua perakuan umum. Kandungan CEDAW merangkumi semua aspek kehidupan seperti berikut:

- | | |
|---|--|
| • Artikel 1: Obligasi diskriminasi terhadap wanita | • Artikel 9: Kewarganegaraan |
| • Artikel 2: Kewajipan untuk menghapuskan diskriminasi | • Artikel 10: Pendidikan |
| • Artikel 3: Pembangunan dan kemajuan wanita | • Artikel 11: Guna tenaga |
| • Artikel 4: Mempercepat kesamaan antara perempuan dan lelaki | • Artikel 12: Kesamaan dalam mendapatkan khidmat penjagaan kesihatan |
| • Artikel 5: Peranan jantina dan stereotaip | • Artikel 13: Faedah ekonomi dan sosial |
| • Artikel 6: Mengurangkan eksploitasi terhadap wanita | • Artikel 14: Bantuan khusus untuk wanita di luar bandar |
| • Artikel 7: Kehidupan awam dan politik | • Artikel 15: Kesamaan dalam perundangan dan hal-hal sivil |
| • Artikel 8: Penglibatan dan penyertaan di peringkat antarabangsa | • Artikel 16: Kesamaan dalam perkahwinan dan undang-undang keluarga |

Perakuan 12 dan 19 menyentuh mengenai keganasan terhadap wanita
Program-program kerajaan dan penyediaan bajet yang mencukupi amat penting dalam mencapai objektif dan keperluan CEDAW.

KPWKM merupakan sebuah kementerian yang kecil dengan sumber yang terhad. Namun begitu, kementerian ini tidak bersendirian dalam menangani isu berkaitan gender. Peranan utamanya adalah membantu agensi-agensi kerajaan supaya lebih peka gender dalam pelaksanaan fungsi dan tanggungjawab mereka.

Sehubungan itu, KPWKM bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dalam **isu kesihatan**; Kementerian Pelajaran dalam **isu pendidikan**; dan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam **hal ehwal kewangan dan isu-isu berkaitan**.


Rasional pelaksanaan GRB di Malaysia

Walaupun aktiviti bajet gender adalah sesuatu yang baru di Malaysia tetapi aktiviti ini adalah selaras dengan pendekatan dasar kerajaan secara keseluruhannya. Pertama, aktiviti bajet gender bertujuan **menggunakan sumber manusia negara dengan sepenuhnya**. Ini dilakukan dengan menggalakkan penyertaan dan sumbangan wanita kepada ekonomi dan kehidupan sosial. Kedua, ia membantu kerajaan dalam **menggunakan sumber kewangan dengan lebih cekap**, iaitu melalui pepadanan bajet dengan

perancangan, serta keutamaan program dan projek. Malaysia hanya berupaya untuk mencapai objektif Wawasan 2020 sekiranya sumber manusia dan sumber-sumber lain dalam negara dapat digunakan dengan sepenuhnya. Ketiga, bajet yang responsif gender dapat membantu kerajaan untuk memperbaiki (a) **penentuan keutamaan**, (b) **perancangan**, (c) **pengurusan pelaksanaan**, (d) **pemantauan dan penilaian** dan (e) **penilaian impak** (lihat Rajah 1).

Tambahan pula, kerajaan menyedari bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang amat sesuai untuk melaksanakan aktiviti bajet gender:

Rajah 1 Faedah bajet yang responsif gender



- Malaysia telah mempunyai **sistem bajet yang baik dan teratur**. Bajet gender dibangunkan berasaskan sistem sedia ada ini dan ia memberi nilai tambah kepada pendekatan yang berorientasikan output. (Lihat Bahagian 5, yang menerangkan bagaimana untuk mengambil kira gender dalam format bajet sedia ada.)
- UPE, Kementerian Kewangan dan UPP sedang beralih daripada pemantauan kewangan yang dilaksanakan secara rutin kepada pendekatan yang **memfokuskan kepada perancangan dan bajet jangka panjang, analisis dasar dan penilaian**. Ini jelas dinyatakan dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001–2010 yang merangkumi dekad kedua pembangunan di bawah Wawasan 2020. Aktiviti bajet gender memberi nilai tambah kepada aspek tersebut.
- **Kerajaan Malaysia mempunyai kawalan yang lebih baik ke atas bajetnya berbanding dengan kebanyakan negara lain** yang telah cuba melaksanakan aktiviti bajet gender. Contohnya, Malaysia mempunyai kawalan yang baik ke atas imbalan antara hasil dan perbelanjaan. Negara-negara penderma juga hanya mempunyai pengaruh yang kecil ke atas bajet negara. Ini bermakna kerajaan mempunyai banyak kebebasan untuk menentukan di mana dan bagaimana sumber negara hendak digunakan.

Oleh yang demikian, pada 27 November 2002, Kabinet Malaysia telah bersetuju dengan idea untuk melaksanakan aktiviti bajet gender di Malaysia. Pada 22 April 2003, UPE meluluskan dokumen projek bagi projek perintis bajet gender di Malaysia. Projek ini diterajui oleh KPWK dan dilaksanakan dengan kerjasama dan bantuan kewangan serta teknikal UNDP.

Projek perintis bajet gender di Malaysia

Lebih daripada 60 buah negara di dunia telah melaksanakan sebahagian atau sepenuhnya aktiviti bajet gender. Walau bagaimanapun, pengalaman negara-negara ini tidak dapat dijadikan sebagai panduan atau model untuk melaksanakan bajet gender di Malaysia. Pertama, tidak semua inisiatif bajet gender berkenaan dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Kedua, sekiranya inisiatif tersebut dilaksanakan oleh pihak kerajaan, terdapat pula perbezaan dari segi corak dan mekanisme pentadbiran kerajaan di negara-negara tersebut. Secara khususnya, pendekatan dan format bajet adalah berbeza. Menyedari bahawa setiap negara mempunyai konteks dan situasi yang unik, Malaysia telah menjadikan pengalaman negara-negara berkenaan sebagai iktibar dan memberi tumpuan kepada membangunkan pendekatan yang spesifik dan tersendiri berdasarkan kepada corak pentadbiran negara.

Malaysia mempunyai format bajet yang berorientasikan output yang mengandungi sebahagian besar komponen yang diperlukan dalam bajet gender seperti penerangan objektif, analisis keperluan, pelanggan, spesifikasi output, impak dan penilaian. Oleh yang demikian, **perspektif gender** tidak dibangunkan sebagai dokumen yang berasingan, tetapi dimasukkan dalam **format cadangan perjanjian program (ABM-2)**. Ini hanya memerlukan sedikit pindaan terhadap format dan prosedur sedia ada.

Aktiviti bajet gender di Malaysia dimulakan secara perintis bagi beberapa program terpilih di empat kementerian berkenaan bagi membolehkan pendekatan Malaysia diuji dan diperkukuhkan sebelum diperluas kepada agensi kerajaan yang lain. Kementerian perintis ialah **Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia** dan **Kementerian Pembangunan Luar Bandar**. (Pada Mac 2004, Kementerian Pendidikan telah dipecahkan kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar menjadi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Pembangunan Wilayah. Walau bagaimanapun, memandangkan kebanyakan aktiviti perintis bajet gender dijalankan sebelum kementerian-kementerian tersebut

dipecahkan, maka manual ini masih menggunakan nama lama bagi kedua-dua kementerian tersebut untuk beberapa program berkaitan.)

Kementerian perintis ini telah dipilih bagi membolehkan pendekatan ini diuji atau dinilai dengan baik. Keempat-empat kementerian (kini lima) ini terlibat dalam sektor ekonomi dan sosial dan secara relatifnya mempunyai bajet yang besar. Rasional lain bagi pemilihan kementerian berkenaan—khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar—adalah kerana kementerian ini memberi tumpuan kepada rakyat berpendapatan rendah di luar bandar. Aktiviti bajet gender bukan sahaja melihat kepada perbezaan antara perempuan dan lelaki, tetapi juga perbezaan dan kelemahan lain yang mana pendapatan merupakan satu daripada penentu penting kelemahan tersebut.

KPWKM dan UNDP menubuhkan satu pasukan untuk membantu kementerian perintis melaksanakan aktiviti bajet gender mereka. Sepanjang bulan Julai 2003, pasukan ini telah mengadakan perbincangan dengan setiap kementerian untuk menentukan program yang perlu diberi tumpuan dalam projek perintis. Program akan dipilih daripada kedua-dua bajet mengurus dan pembangunan untuk menguji penggunaan pendekatan ini terhadap kedua-dua bajet

tersebut. Jadual 1 menunjukkan program dan projek yang dipilih oleh kementerian perintis.

Program yang dipilih menggambarkan Kerajaan Malaysia memberi perhatian yang serius dalam meningkatkan pembangunan rakyat. Sebagai contoh, program tersebut meliputi pelbagai program pendidikan dan latihan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat universiti termasuk latihan vokasional.

Jadual 1 Kementerian perintis dan program yang dipilih		
Kementerian	Mengurus	Pembangunan
Kementerian Pelajaran (KPM)	Pendidikan rendah	~ Pembangunan sekolah berasrama penuh ~ Pembangunan kolej matrikulasi ~ Sekolah menengah khas pendidikan vokasional
Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Universiti terpilih	~ Kampus Universiti Teknologi MARA, Pahang ~ Kemudahan perumahan KUSTEM ~ Tempat letak kereta, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam
Kementerian Kesihatan (KKM)	Ortopedik Pembangunan kesihatan keluarga	~ Naik taraf hospital ~ Kemudahan kesihatan luar bandar ~ Kemudahan kesihatan bandar
Kementerian Sumber Manusia (KSM)	Jabatan Tenaga Manusia	~ ILP Selandar, Melaka ~ ILP Selangor
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW)	Pembangunan masyarakat Pembangunan kanak-kanak	~ Bantuan perumahan kepada penduduk miskin ~ Pembangunan mental ~ Peningkatan pendapatan

Pada umumnya, pembajetan gender adalah berkaitan dengan usaha memasukkan perspektif gender ke dalam bajet negara bagi membolehkan kerajaan menentukan bagaimana dasar dan keutamaan hendak dikaji semula—dan apakah sumber-sumber yang diperlukan—bagi mencapai objektif kesamaan gender. Bajet ini merupakan antara alat dasar ekonomi kerajaan yang paling penting dan mencerminkan aspek sosial dan ekonomi yang diberi keutamaan. Ia amat penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu dasar kerana dasar, program dan projek tidak dapat dijalankan tanpa peruntukan kewangan yang mencukupi.

Definisi bajet gender

1 Aktiviti bajet gender bertujuan menghasilkan bajet yang responsif gender

Masyarakat kadangkala terkeliru dengan konsep bajet gender kerana mereka beranggapan bahawa aktiviti bajet gender merupakan penyediaan bajet secara berasingan untuk perempuan dan lelaki. Tanggapan sedemikian adalah tidak benar. Sebaliknya, aktiviti bajet gender merupakan konsep yang meneliti impak setiap komponen bajet terhadap perempuan dan lelaki.

Aktiviti bajet gender menyedari bahawa semua bajet perlu menyampaikan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan semua

warganegara perempuan dan lelaki dalam sesebuah negara. Walau bagaimanapun, dalam banyak kes, bajet yang disediakan memenuhi keperluan ini secara tidak disedari. Ini kerana perancang dan pegawai bajet mengandaikan bahawa tidak wujud sebarang perbezaan keperluan antara perempuan dan lelaki. Aktiviti bajet gender mengambil kira perbezaan situasi, peranan, sumbangan dan keperluan perempuan dan lelaki dan dapat bertindak balas terhadap aspek-aspek tersebut dengan sewajarnya. Oleh itu, ia dikenal sebagai konsep 'bajet yang responsif gender'.

2 Aktiviti bajet gender membezakan antara gender dan jantina

Seperti yang dijelaskan di atas, analisis bajet gender meneliti impak bajet kerajaan terhadap perempuan dan lelaki. Walau bagaimanapun, analisis bajet gender dibuat berdasarkan kepada perbezaan gender serta jantina.

Jantina ialah perbezaan biologi. Manusia dilahirkan sebagai perempuan atau lelaki. Mereka akan terus kekal dari segi biologi sebagai lelaki atau perempuan sepanjang hidup mereka, kecuali untuk beberapa kes tertentu. Walau bagaimanapun, setelah dilahirkan individu akan mengalami proses sosialisasi bagi memainkan peranan mereka sebagai perempuan dan lelaki sebagaimana

yang telah ditentukan oleh masyarakat. Peranan tersebut adalah lebih berdasarkan kepada gender berbanding jantina.

Oleh itu, walaupun seorang wanita di sebuah negara adalah sama dengan wanita di negara lain dari segi biologi, namun dia mungkin berbeza dari segi sosial (dalam aspek gender). Begitu juga seorang wanita pada tahun 2005 secara biologinya adalah sama dengan nenek moyangnya yang hidup pada abad lalu, tetapi dia berbeza dengan nenek moyangnya dari segi peranan dan tanggungjawab dan cara menjalani kehidupannya.

Jadual 2 meringkaskan perbezaan antara jantina dan gender.

3 Aktiviti bajet gender bukan mengenai nisbah 50–50

Walaupun perempuan dan lelaki adalah berbeza, namun aktiviti bajet gender bukan bertujuan supaya setiap kementerian membahagikan bajetnya secara seimbang, iaitu mengikut nisbah 50–50 antara lelaki dan perempuan. Aktiviti bajet gender bertujuan memenuhi keperluan yang berbeza di kalangan perempuan dan lelaki secara saksama (adil) agar setiap individu dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya. Oleh yang demikian, aktiviti bajet gender adalah mengenai **kesaksamaan** dan bukannya sekadar **kesamaan**. (Rujuk Bahagian 3.)

Contohnya, dalam aspek kesihatan, wanita dan lelaki mempunyai kemungkinan yang sama untuk mendapat penyakit dan kesakitan. Walau bagaimanapun, sebagai tambahan kepada keperluan kesihatan yang neutral gender ini, wanita mempunyai keperluan berkaitan kesihatan reproduktif yang lebih berbanding lelaki kerana wanita melahirkan anak. Sehubungan

Jadual 2 Perbezaan antara jantina dan gender

Jantina (Perbezaan biologi)	Gender (Perbezaan sosial)
1 Memandangkan kita dilahirkan sebagai perempuan atau lelaki maka adalah sukar untuk mengubah perbezaan yang berkaitan jantina.	Memandangkan identiti gender kita ditentukan oleh masyarakat maka perbezaan berdasarkan gender boleh diubah.
2 Perbezaan jantina tidak dipengaruhi oleh sejarah atau kebudayaan.	Peranan gender boleh berubah mengikut masyarakat yang berbeza dan pada masa yang berbeza dalam sejarah.
3 Maklum balas dasar terhadap perbezaan jantina hanya bagi perkara berkaitan dengan badan secara fizikal (seperti melahirkan anak dan penyakit prostat).	Dasar boleh bertindak balas sama ada terhadap stereotaip gender dan peranan tradisi gender (sebagai contoh, menganggap bahawa hanya lelaki yang boleh menjadi ketua isi rumah) atau usaha untuk mengubah mereka (seperti mengambil kira halangan kepada wanita dan gadis untuk mengikut kursus latihan yang bukan berbentuk tradisional).

ini, bajet kesihatan yang menyediakan hanya 50 peratus daripada jumlah peruntukan kepada wanita merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap wanita dari segi keperluan mereka. Pembahagian peruntukan kesihatan berdasarkan nisbah 50–50 ini menafikan peluang wanita mendapatkan perkhidmatan tersebut yang seterusnya menjejaskan kesihatan wanita. Pengagihan peruntukan yang sedemikian juga merupakan satu bentuk penganiayaan terhadap masyarakat secara keseluruhan kerana proses reproduksi tidak akan berlaku secara cekap dan berkesan.

4 Aktiviti bajet gender mengambil kira buruh tanpa bayaran

Aktiviti bajet gender memastikan agar dasar dan bajet mengambil kira peranan dan tanggungjawab perempuan dan lelaki dalam masyarakat. Peranan dan tanggungjawab ini mungkin berbeza antara sebuah negara dengan negara yang lain. Walau bagaimanapun, pada hakikatnya, wanita di setiap negara di dunia mempunyai tanggungjawab yang lebih berbanding lelaki bukan sahaja kerana wanita melahirkan anak, tetapi memainkan peranan utama dalam mendidik anak, menjaga anak dan orang sakit, orang tua, serta mereka yang memerlukan penjagaan. Tugas

ini kadangkala dikenal sebagai ‘kerja reproduktif’. Ia juga sering kali dikenal sebagai ‘buruh tanpa bayaran/bergaji’ kerana kebanyakan tugas tersebut tidak dibayar.

Memandangkan tugas tersebut biasanya tidak dibayar, maka ia tidak diambil kira dan dimasukkan dalam pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh sebab ia bukan sebahagian daripada KDNK dan tidak dilihat sebagai elemen penting maka ia sering tidak diambil kira oleh perancang dan pegawai bajet. Ini kerana mereka berpendapat ia tidak akan mempengaruhi ekonomi dan masyarakat.

Walaupun bagaimanapun, jika diteliti secara lebih mendalam, kita mendapati bahawa tanpa kerja reproduktif yang cekap dan berkesan akan menjejaskan kualiti sumber manusia negara. Keadaan ini akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi dan kebajikan rakyat. Sehubungan ini, aktiviti bajet gender memberi penekanan bahawa penggubal dasar mesti mengambil kira mengenai aspek buruh tidak dibayar dan bagaimana program dan bajet boleh menanganinya secara cekap dan berkesan. Penggubal dasar juga mesti memastikan agar beban tugas yang tidak dibayar ini tidak menghalang rakyat (khususnya wanita) daripada menyumbang sama ada dalam aspek ekonomi atau sosial.

Faedah bajet gender

Peningkatan dalam penggunaannya membuktikan bahawa bajet gender mempunyai banyak kelebihan. Antara kelebihan bajet yang responsif gender ini adalah

- menyokong usaha mengarusperdanakan gender yang kini merupakan pendekatan antarabangsa bagi meningkatkan kesamaan antara perempuan dan lelaki
- memperbaiki pengagihan peruntukan sumber kepada golongan yang lebih memerlukan
- memperkukuhkan hubung kait antara objektif ekonomi dan hasil dasar sosial
- mengenal pasti perbelanjaan awam yang tidak mematuhi komitmen dasar pembangunan dan gender
- menggalakkan penyertaan masyarakat sivil dalam penggubalan dasar ekonomi
- membantu kerajaan dalam mematuhi komitmen kesamaan gender di peringkat negara dan antarabangsa (seperti dasar gender negara dan CEDAW) dan
- menyumbang kepada pencapaian Matlamat Pembangunan Milenium (MDG).

Feminisme

Feminisme merupakan satu pergerakan sosial yang mempertikaikan ketidaksamaan gender dan cuba membuat perubahan terhadapnya. Feminisme bukan hanya memberi tumpuan kepada wanita.

Gender berbanding jantina

Gender merujuk kepada perbezaan sosial antara perempuan dan lelaki. Ia merujuk kepada apa yang telah disampaikan oleh masyarakat kepada perempuan dan lelaki daripada kumpulan sosial yang berlainan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka.

Jantina merujuk kepada perbezaan biologi antara perempuan dan lelaki. Jantina adalah sesuatu yang tetap dan tidak berubah merentasi masa, negara, dan budaya.

Analisis gender

Analisis gender ialah proses menganalisis perbezaan situasi yang dialami oleh perempuan dan lelaki dan hubung kaitnya dengan matlamat untuk memenuhi keperluan khusus mereka dan mencapai kesamaan gender. Analisis gender juga mengambil kira faktor sosioekonomi yang lain seperti kaya dan miskin, bandar dan luar bandar, berpendidikan dan tidak berpendidikan serta bagaimana faktor ini mempengaruhi hubungan antara perempuan dan lelaki.

Buta gender berbanding neutral gender

Dasar yang **buta gender** tidak mengambil kira perbezaan situasi, peranan, keperluan dan kepentingan perempuan dan lelaki.

Dasar yang **neutral gender** tidak dipengaruhi oleh perbezaan situasi, peranan, keperluan dan kepentingan perempuan dan lelaki serta tidak mempengaruhi perbezaan tersebut. Pada hakikatnya, tidak banyak dasar yang neutral gender. Jika pembuat dasar menganggap sesuatu dasar sebagai neutral gender, mereka sebenarnya adalah buta gender!

Kesamaan gender berbanding kesaksamaan gender

Kesamaan gender biasanya difahami sebagai peluang yang sama rata. Ini bermakna tidak ada diskriminasi antara perempuan dan lelaki dalam mendapat peluang yang disediakan.

Kesaksamaan gender adalah mengenai kesamaan dalam hasil akhir atau keputusan. Konsep ini adalah lebih baik berbanding kesamaan peluang. Ini bermakna perempuan dan lelaki mempunyai peluang yang sama bukan sahaja di peringkat permulaan, tetapi di semua peringkat dalam memenuhi keperluan mereka. Kesaksamaan gender adalah mengenai keadilan yang mengambil kira perbezaan situasi perempuan dan lelaki.

Data mengikut pecahan gender

Data mengikut gender (atau data mengikut jantina) adalah data yang menunjukkan perbezaan antara situasi perempuan dan lelaki. Data mengikut pecahan gender penting bagi membuat analisis gender yang baik.

Pembahagian buruh mengikut gender

Pembahagian buruh mengikut gender merujuk kepada siapa (perempuan atau lelaki, muda atau tua) yang melakukan dan apa yang dilakukan oleh mereka dari segi jenis kerja yang berbeza seperti tugas **produktif** di kilang, di pejabat, dan di atas tanah; tugas **reproduktif** seperti memasak, mencuci, menjaga ahli-ahli keluarga; dan aktiviti **komuniti** seperti menghadiri mesyuarat.

Mengarusperdanakan gender

Mengarusperdanakan gender ialah satu pendekatan atau strategi yang mengambil kira gender dalam semua dasar, perancangan, bajet dan pemantauan dan tidak menganggap gender sebagai isu yang berasingan dan perlu ditangani melalui program yang berbeza.

Peka gender/responsif gender

Dasar yang **peka terhadap gender** (atau **responsif gender**) menangani perbezaan situasi, peranan, keperluan, dan kepentingan perempuan dan lelaki dengan baik.

Keperluan gender yang praktikal dan strategik

Keperluan gender yang praktikal adalah keperluan yang berkaitan dengan aktiviti dan tanggungjawab seharian. Aktiviti dan tanggungjawab ini dihubungkan bagi membantu perempuan dan lelaki menjalankan peranan yang diberikan oleh masyarakat.

Keperluan gender yang strategik adalah keperluan yang berkaitan untuk mengubah perhubungan, peranan dan tanggungjawab perempuan dan lelaki dalam masyarakat.

Aktiviti bajet gender melibatkan dua proses penting:

1 Analisis data untuk memahami apa yang berlaku kepada perempuan dan lelaki dalam masyarakat, dasar, bajet dan pelaksanaan.

2 Penggubalan bajet yang responsif gender melibatkan pengubahsuaian dasar, program, dan bajet (termasuk pelaksanaan jika berkenaan) supaya menjadi responsif gender.

Memandangkan kemahiran analisis gender penting untuk menghasilkan penyata bajet gender yang bermakna, seksyen ini akan memberi tumpuan secara praktikal kepada tugas yang telah ditetapkan untuk menyediakan latihan dalam membangunkan kemahiran ini.

Secara umumnya, terdapat dua kaedah utama untuk menjalankan analisis bajet gender: pendekatan tiga kategori perbelanjaan dan pendekatan lima langkah. Kedua-dua pendekatan ini boleh digabungkan menjadi satu rangka analitikal yang sama.

Pendekatan tiga kategori perbelanjaan

Kita boleh mengandaikan bahawa bajet mengandungi tiga bahagian atau kategori:

• **Kategori 1: Perbelanjaan berdasarkan sasaran gender di agensi-agensi kerajaan.** Ia adalah perbelanjaan yang secara jelas

ditetapkan untuk menangani isu-isu gender atau wanita. Contohnya termasuk program kesihatan untuk wanita, program keusahawanan khas untuk wanita, bantuan untuk ibu tunggal dan sokongan untuk janda.

• **Kategori 2: Perbelanjaan peluang guna tenaga yang sama kepada kakitangan kerajaan.** Ini adalah perbelanjaan untuk meningkatkan peluang yang sama rata kepada perempuan dan lelaki yang bekerja dengan kerajaan. Contohnya termasuk latihan untuk pengurus wanita, penyediaan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak dan peruntukan cuti atas urusan keluarga.

• **Kategori 3: Perbelanjaan bajet am yang dinilai berdasarkan kepada impaknya terhadap perempuan dan lelaki.** Ini meliputi semua perbelanjaan lain kerajaan. Analisis bagi kategori ini mengutarakan persoalan seperti siapa yang memerlukan perkhidmatan yang khusus dan siapa yang memperoleh manfaat daripada perkhidmatan tersebut. Ia menyentuh mengenai bagaimana program, projek, dan aktiviti berkaitan bajet dapat memenuhi wawasan kerajaan mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh perempuan dan lelaki dalam masyarakat.

Kategori tersebut penting dalam membuat semakan bahawa analisis bajet gender negara mengambil kira semua aspek secara

Tugas 1

- 1 Daripada 3 kategori yang dinyatakan, dalam kategori manakah anda akan masukkan perbelanjaan-perbelanjaan berikut?
 - (a) Bajet untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - (b) Peruntukan gaji untuk Kementerian Pertahanan
 - (c) Bajet untuk sebuah kolej latihan kejururawatan
 - (d) Bajet untuk imunisasi kanak-kanak
 - (e) Bajet untuk modul suri rumah tangga Kementerian Pembangunan Luar Bandar
 - (f) Bajet untuk bengkel latihan kepada pegawai-pegawai mengenai pembajetan gender
 - (g) Bajet untuk bayaran cuti bersalin kepada guru
- 2 Bagi setiap perbelanjaan di atas, berapa peratuskah merupakan penerima faedah:
 - (a) lelaki?
 - (b) perempuan?

Jadual 3 Pendekatan lima langkah analisis bajet gender

Langkah	Penerangan Langkah	Terma bajet
1	Menerangkan situasi perempuan dan lelaki (dan kumpulan kecil yang berbeza seperti luar bandar/bandar, mengikut kumpulan umur dan sebagainya) dalam sektor.	Analisis keperluan/pelanggan
2	Menilai dasar, program dan projek dari segi kepekaannya terhadap gender, iaitu sama ada ia mengambil kira situasi seperti yang dinyatakan dalam Langkah 1.	Dasar, program
3	Menilai sama ada kewangan (peruntukan perbelanjaan) dan sumber lain (contoh kakitangan) yang mencukupi diperuntukkan untuk melaksanakan dasar yang peka terhadap gender di Langkah 2 dengan berkesan.	Input
4	Memantau sama ada perbelanjaan yang diperuntukkan di Langkah 3 dibelanjakan seperti yang dirancang.	Output
5	Menilai sama ada dasar serta perbelanjaan berkaitan yang telah diperuntukkan dapat meningkatkan kesaksamaan gender seperti yang dihasratkan dan mengubah situasi yang dinyatakan di Langkah 1.	Impak/Hasil

menyeluruh dan tidak hanya memfokuskan kepada sebahagian aspek tertentu sahaja. Ia amat berguna dalam memastikan bahawa kita menggalak atau mengutamakan **gender dalam arus perdana negara**. (Rujuk Bahagian 3.)

Jika analisis hanya memberi tumpuan kepada kategori pertama atau kedua, ia memberi kesan yang amat kecil kerana ketiga-tiga bahagian atau kategori adalah sangat berbeza. Perbelanjaan spesifik gender dan perempuan (Kategori 1) mungkin perlu sebagai satu bentuk tindakan untuk menangani kelemahan tertentu, tetapi pada kebiasaannya ia hanya sebahagian kecil daripada bajet. Kategori 2 biasanya jauh lebih kecil. Kategori 3 adalah mengenai bajet utama yang mana peruntukannya melebihi 95 peratus daripada mana-mana bajet kerajaan. Objektif analisis bajet gender tidak akan tercapai melainkan Kategori 3 diambil kira.

Pendekatan lima langkah

Terma 'bajet gender' adalah mengelirukan atau disalahtafsirkan kerana ia memberi gambaran bahawa kita hanya berminat terhadap bajet. Hakikatnya, aktiviti bajet gender adalah satu bentuk analisis dasar kerana tujuan utama bajet adalah untuk **melaksanakan dasar**. Fokus analisis dasar bagi aktiviti bajet gender adalah selaras dengan pendirian kerajaan bahawa bajet mesti

berpandu kepada dasar dan bukan sebaliknya.

Analisis dasar bagi aktiviti bajet gender melibatkan lima langkah. Jadual 3 menerangkan setiap langkah tersebut. Ruangan terakhir jadual tersebut juga menunjukkan bagaimana setiap langkah bertindak balas terhadap langkah lain dalam aktiviti bajet seperti yang sentiasa dilakukan oleh pegawai bajet. Nilai ditambah bajet gender ialah kita tidak boleh menganggap bahawa semua penduduk mempunyai keperluan yang sama atau mereka akan menerima kesan yang sama daripada pelaksanaan program kerajaan.

Jenis data yang diperlukan untuk analisis bajet gender yang berkesan

Analisis yang baik memerlukan data yang lengkap. Bagi melaksanakan kelima-lima langkah tersebut, kita perlu mempunyai data yang lengkap dan tepat. Jadual 4 menunjukkan jenis data yang diperlukan untuk menganalisis program pendidikan.

Contoh data mengikut pecahan gender

Bagi projek perintis bajet gender, senarai semak yang menerangkan jenis data yang perlu dikumpul bagi setiap program yang dipilih telah disediakan. Beberapa perkara dalam senarai semak adalah untuk Langkah 1, iaitu penjelasan mengenai situasi serta

Langkah 2 dan 3, iaitu penjelasan output dan hasil. Beberapa perkara telah terkandung dalam laporan ABM-2 agensi yang berkenaan seperti di Perkara 12 (**spesifikasi output**) dan Perkara 13 (**spesifikasi impak**). Perbezaan penting dalam senarai semak gender ialah

Tugas 2

Apakah data yang anda perlukan bagi setiap langkah berikut?

- (a) Program penjaan pendapatan
- (b) Program penyampaian perkhidmatan kesihatan

Jadual 4 Data untuk menganalisis program pendidikan

Langkah Jenis Data yang Diperlukan

- | Langkah | Jenis Data yang Diperlukan |
|---------|---|
| 1 | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan perempuan dan lelaki yang tidak mendapat pendidikan secukupnya Maklumat mengenai bagaimana pendidikan dapat membantu golongan ini |
| 2 | <ul style="list-style-type: none"> Masa yang sesuai bagi perempuan dan lelaki yang tidak mendapat pendidikan secukupnya boleh menghadiri kursus Tempat yang sesuai untuk mereka Maklumat sama ada mereka mampu membiayai kursus tersebut |
| 3 | <ul style="list-style-type: none"> Jumlah wang yang diperuntukkan untuk program Bilangan kakitangan (perempuan dan lelaki) yang ditugaskan untuk menyelaras program dan mengendalikan kursus |
| 4 | <ul style="list-style-type: none"> Bilangan perempuan dan lelaki yang menghadiri kursus Bilangan perempuan dan lelaki yang lulus |
| 5 | <ul style="list-style-type: none"> Situasi/keadaan/kedudukan pelajar perempuan dan lelaki selepas mereka menamatkan kursus. Contoh: Berapa ramai yang mendapat kerja dan berapa ramai yang berjaya meningkatkan pendapatan mereka? |


data disediakan mengikut **pecahan gender**, data mengikut pecahan gender yang antara iaitu antara perempuan dan lelaki serta jumlah lain menerangkan perkara yang relevan keseluruhan. dengan tugas keempat-empat kementerian

Rajah 2 hingga 8 menunjukkan contoh perintis.


Tugas 3

Kaji carta dalam Rajah 2 hingga 8. Bagi setiap carta, bincangkan yang berikut:

- 1 Apakah fakta paling penting yang ditunjukkan oleh carta?
- 2 Untuk kementerian manakah maklumat ini penting?
- 3 Dalam pendekatan lima langkah analisis bajet gender, carta tersebut berguna untuk langkah yang mana?
- 4 Apakah yang menyebabkan corak gender seperti yang ditunjukkan dalam carta?
- 5 Adakah corak gender yang ditunjukkan dalam carta merupakan masalah kepada pembangunan Malaysia?
- 6 Adakah corak gender yang ditunjukkan dalam carta merupakan masalah kepada perempuan dan lelaki di Malaysia?
Jika ya, kumpulan manakah yang paling banyak menerima kesan dan bagaimana ia berlaku?
- 7 Adakah kerajaan mempunyai sebarang program yang mungkin boleh mengubah corak gender dalam carta?
- 8 Apakah data lain yang kita perlukan untuk memahami corak gender dalam carta dengan lebih baik?


Rajah 2 Enrolmen pelajar mengikut tahap pendidikan dan jantina, 2004 (bilangan dan peratus)

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rajah 3 Enrolmen pelajar di institusi pendidikan tinggi awam mengikut tahap pengajian dan jantina, 2003/2004 (taburan peratusan)


Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Rajah 4 Penduduk yang pernah bersekolah mengikut kumpulan umur, 2000 (peratus)




Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan, Jabatan Perangkaan Malaysia.


Rajah 5 Saiz tenaga buruh, 1990–2004 ('000 orang)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


Rajah 6 Kadar pengangguran, 1990–2004 (peratus)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rajah 7 Kadar kemiskinan, 2002 (peratus)

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Rajah 8 Jangka hayat ketika lahir, 1980–2005 (tahun)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Seksyen ini memberi tumpuan kepada pengalaman Kementerian Perintis dalam mengubahsuai dan mengguna pakai format bajet sedia ada untuk menggambarkan isu dan memenuhi keperluan gender. Tujuan projek perintis adalah untuk membangunkan satu format bagi pembajetan gender yang baik dan mudah diguna pakai oleh semua Kementerian.

Skop kerja

Format piawai bajet kerajaan Malaysia telah pun mengandungi elemen asas yang diperlukan bagi aktiviti bajet gender. Sebagai contoh, format sedia ada mengandungi unsur motivasi, objektif, butiran aktiviti, petunjuk dan sasaran. Ini bermakna format tersebut dengan mudah boleh diguna pakai untuk aktiviti bajet gender dengan menghuraikan setiap elemen tersebut dan menambah satu atau dua perkara lain sahaja.

Pada tahun pertama aktiviti bajet gender, tumpuan Malaysia adalah untuk menghasilkan penyata bajet yang peka terhadap gender untuk program terpilih di Kementerian Perintis mengikut format yang telah disediakan berdasarkan format bajet sedia ada. Program-program terpilih adalah daripada bajet mengurus dan pembangunan bagi menguji aplikasi pendekatan ke atas kedua-dua bajet tersebut.

Projek perintis memberi tumpuan kepada latihan. Pada peringkat awal, latihan hanya

dihadkan kepada pegawai bajet di Kementerian Perintis, tetapi kemudiannya telah diperluas kepada pegawai di Kementerian Kewangan dan pegawai terpilih di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) serta gender *focal point* (iaitu pegawai yang bertanggungjawab menyelaras program gender) di Kementerian dan agensi lain.

Hasil daripada projek perintis tersebut, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan Surat Pekeliling 2004 yang mengarahkan Kementerian Perintis melaksanakan bajet yang responsif gender untuk program terpilih bagi bajet tahun 2006–2007. Kerajaan juga menggalakkan Kementerian dan agensi lain untuk mengambil kira isu gender dalam perancangan program dan aktiviti mereka. Bagi memudahkan perspektif gender diintegrasikan dalam cadangan bajet, setiap Kementerian/agensi adalah diharapkan dapat menggubal pelan strategik gender jangka pendek, jangka pertengahan, dan jangka panjang dari awal lagi.

Bajet mengurus

Malaysia mempunyai format yang pelbagai dalam program bajet mengurus. Bagi tujuan perintis, format ABM-2 telah digunakan kerana ia merupakan format yang lebih terperinci. Perspektif gender juga perlu dimasukkan ke dalam format ABM-4 dan ABM-5 (*one-off* dan projek dasar baru) oleh Kementerian/agensi di

mana perlu. Format ini akan terus digunakan dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang. Di peringkat seterusnya, perubahan boleh dibuat ke atas format ABM yang lain.

Jadual 5 menunjukkan format piawai ABM-2 yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Pada perkara-perkara yang ditanda dan ditulis huruf condong, menunjukkan di mana kementerian boleh tambah isu gender. Dalam kebanyakan kes, menambah isu gender tidak memerlukan tajuk tambahan. Ia hanya memerlukan pegawai bajet berfikir dan menulis perbezaan antara perempuan dan lelaki semasa menyediakan perkara-perkara tersebut. Perkara baru yang telah ditambah ialah **spesifikasi output** (Item 12) yang mana kesaksamaan merupakan faktor yang nyata yang perlu dipertimbangkan.

Data mengikut pecahan gender untuk bajet mengurus

Satu cara yang paling berkesan untuk memasukkan isu gender dalam bajet adalah dengan mengintegrasikan data mengikut pecahan gender, iaitu data yang menunjukkan bilangan perempuan dan lelaki yang terlibat. Laporan piawai ABM-2 yang sedia ada telah mengandungi banyak data, bukan sahaja untuk perkara 12 (**output**) dan 13 (**impak**). Walau bagaimanapun, data mengikut pecahan gender mengenai situasi semasa

diperlukan di bawah Item 8 (**analisis keperluan**) dan mereka yang diliputi dalam program berkenaan diperlukan di bawah Item 9 (**pelanggan**).

Berikut adalah beberapa contoh data mengikut gender yang boleh digunakan dalam meneliti program-program terpilih di kementerian perintis. Senarai semak ini mengandungi lebih banyak perkara. Dalam beberapa contoh di bawah, gender telah digabungkan dalam bentuk pecahan yang lain seperti bandar/luar bandar. Penggabungan data yang dipecahkan ini penting dalam memahami situasi, keperluan, output dan hasil dengan jelas.

JABATAN TENAGA MANUSIA (KSM)

- Bilangan lepasan sekolah perempuan dan lelaki pada tahun 2001 mengikut strata bandar/luar bandar (8: analisis keperluan)
- Bilangan perempuan dan lelaki yang telah menamatkan program latihan pada tahun 2002 mengikut bandar/luar bandar dan kategori lain (12: output)
- Bilangan enrolmen pelatih perempuan dan lelaki mengikuti sijil/diploma/kursus pada tahun 2002 mengikut bandar/luar bandar (9: pelanggan)
- Taburan guna tenaga perempuan dan lelaki yang bekerja mengikut industri (satu-digit kod ISCO) dan mengikut bandar/luar bandar (8: analisis keperluan)

ORTOPEDIK (KKM)

- Bilangan pesakit perempuan dan lelaki yang dibedah/menerima rawatan pada tahun 2003 mengikut unit yang berbeza (8: analisis keperluan; 12: output)
- Bilangan pesakit perempuan dan lelaki yang dibedah/menerima rawatan pada tahun 2003 mengikut kumpulan umur (kanak-kanak, dewasa, orang tua)
- Tempoh masa purata tinggal di hospital bagi pesakit perempuan dan lelaki pada tahun 2003 mengikut unit yang berbeza (12: output)
- Bilangan pesakit yang diberi kelepasan untuk keluar Hospital Besar (termasuk kematian) mengikut perempuan/lelaki dan Klasifikasi Antarabangsa bagi Penyakit, Kecederaan dan Punca Kematian (ICD) pada tahun 2002 atau 2003 (12: output; 13: impak)
- Kematian mengikut punca bagi perempuan/lelaki pada tahun 2002 atau 2003 (8: analisis keperluan; 13: impak)

PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA (KKM)

- Bilangan penduduk lelaki dan perempuan dalam setiap kumpulan sasar (contoh ibu mengandung, bayi yang baru dilahirkan, bayi dan kanak-kanak, murid sekolah dan remaja, dewasa, orang tua) mengikut bandar/luar bandar dan negeri (8: analisis keperluan)

- Jumlah pesakit yang datang untuk mendapat rawatan di klinik kesihatan mengikut perempuan/lelaki bagi perkhidmatan yang berbeza (9: pelanggan)
- Penggunaan bentuk perancangan keluarga yang berbeza bagi perempuan dan lelaki mengikut bandar/luar bandar dan negeri (8: analisis keperluan; 9: pelanggan)

PEMBANGUNAN KOMUNITI (KKLW)

- Kadar buta huruf bagi perempuan dan lelaki berumur 15+ tahun mengikut negeri (8: analisis keperluan)
- Status aktiviti (bekerja, menganggur, secara ekonomi tidak aktif/di luar pasaran buruh) bagi perempuan dan lelaki mengikut negeri (8: analisis keperluan)
- Kadar kemiskinan ketua isi rumah perempuan dan lelaki (8: analisis keperluan)
- Penyertaan perempuan dan lelaki dalam projek penajaan pendapatan KEMAS (diasingkan mengikut jenis projek, contoh jahitan, pengeluaran makanan, dsb) (9: pelanggan; 12: output)

PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (KKLW)

- Bilangan kanak-kanak perempuan dan lelaki berumur 2–4 tahun di luar bandar dan bilangan kanak-kanak perempuan dan lelaki berumur 4–6 tahun di luar bandar (8: analisis keperluan)

- Bilangan kanak-kanak perempuan dan lelaki yang menyertai TASKA kerajaan/swasta (9: pelanggan; 12: output)
- Bilangan ibu dan bapa yang menyertai PEKA (9: pelanggan; 12: output)
- Kadar keciciran dari Tahun Enam dan ke atas bagi kanak-kanak perempuan dan lelaki di bandar dan luar bandar (8: analisis keperluan)
- Penyertaan dalam projek pertanian mengikut perempuan/lelaki (dan negeri) (9: pelanggan; 12: output)
- Penyertaan dalam projek bukan berasaskan pertanian mengikut perempuan/lelaki (dan negeri) (9: pelanggan; 12: output)

PENDIDIKAN RENDAH (KPM)

PROGRAM PEMBANGUNAN MENTAL (KKLW)

- Bilangan ahli isi rumah dalam keluarga miskin yang bersekolah dan tidak bersekolah mengikut perempuan/lelaki dan negeri (8: analisis keperluan)
- Bilangan yang menghadiri modul ketua isi rumah mengikut perempuan/lelaki dan negeri (9: pelanggan; 12: output)
- Bilangan yang menghadiri modul ahli isi rumah yang tidak bersekolah mengikut perempuan/lelaki dan negeri (9: pelanggan; 12: output)
- Bilangan kanak-kanak perempuan dan lelaki yang berumur 6–12 tahun mengikut negeri (8: analisis keperluan)
- Bilangan kanak-kanak perempuan dan lelaki yang berumur 6–12 yang sedang belajar di sekolah rendah mengikut negeri (9: pelanggan; 12: output)
- Nisbah tandas kepada murid perempuan dan murid lelaki mengikut negeri (8: analisis keperluan)
- Masalah yang dilaporkan di sekolah mengikut jenis masalah dan jantina pengadu (8: analisis keperluan)

PROGRAM PENINGKATAN PENDAPATAN (KKLW)

- Status aktiviti (bekerja, menganggur, secara ekonomi tidak aktif/di luar pasaran buruh) bagi perempuan/lelaki dewasa daripada keluarga miskin mengikut negeri, jika boleh (8: analisis keperluan)
- Peratusan perempuan dan lelaki yang bekerja sendiri

UNIVERSITI (KPT)

- Bilangan pemohon perempuan dan lelaki (mengikut pemohon tempatan dan asing) untuk mendapatkan tempat di universiti mengikut tahap (8: analisis keperluan)
- Bilangan pelajar perempuan dan lelaki (mengikut pelajar tempatan dan asing) yang diterima masuk pada tahun 2003 mengikut tahap pengajian (9: pelanggan)

- Peratusan pelajar perempuan dan lelaki yang berjaya menamatkan kursus dalam tempoh pengajian yang ditetapkan pada tahun 2002 atau 2003 (12: output)

Data mengikut pecahan gender menyediakan data yang berbeza untuk perempuan dan lelaki. Sesetengah data tidak boleh diasingkan mengikut gender kerana ia hanya merujuk kepada perempuan atau lelaki. Sungguhpun begitu, data ini juga adalah penting. Sebagai contoh, kes *eclampsia*, kematian semasa melahirkan anak dan tempat kelahiran hanya merujuk kepada wanita, tetapi merupakan indikator (petunjuk) penting kepada Kementerian Kesihatan. Begitu juga, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan

Wilayah perlu merekodkan bilangan wanita yang mengikuti modul suri rumah. Data ini tidak diasingkan mengikut gender, tetapi masih relevan gender.

Tambahan pula, angka sahaja tidak memberi gambaran yang menyeluruh dan sepenuhnya. Pegawai bajet di kementerian mempunyai pengalaman membuat penghuraian terhadap objektif, analisis keperluan dan sebagainya dalam ABM-2. Apa yang perlu dilakukan sekarang ialah memikirkan mengenai isu gender yang perlu ditambah kepada penghuraian tersebut. Lihat Kotak 3 yang menunjukkan contoh bagaimana kementerian perintis mengambil kira gender bagi elemen berbeza dalam ABM-2.

KOTAK 3 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender

7 Objektif

KSM: JABATAN TENAGA MANUSIA

Untuk memberi peluang yang sama dan saksama kepada lepasan sekolah perempuan dan lelaki mengikuti kursus latihan teknikal yang ditawarkan di ILJTM (Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia)

KKM: ORTOPEDIK

Menyediakan perkhidmatan diagnosa, pengurusan terapeutik dan rehabilitasi yang bermutu tinggi kepada pesakit yang berhubung dengan sistem *musculo-skeletal*.

KPT: UNIVERSITI

Universiti ini akan memastikan bahawa pemohon lelaki dan perempuan yang memohon untuk menyambung pelajaran di universiti menerima peluang yang sama untuk dipilih.

Universiti ini juga berhasrat untuk mencapai kesaksamaan gender di kalangan kakitangan dan pelajar dalam menjalankan operasinya.

8 Analisis keperluan/dasar

KKM: ORTOPEDIK

Pesakit yang mengalami atau menghadapi penyakit ortopedik (termasuk kecederaan) akan menerima perkhidmatan diagnostik dan rawatan sebagai pesakit dalam atau luar. Secara umumnya, terdapat lebih ramai pesakit lelaki akibat daripada kecederaan dan lebih ramai pesakit perempuan yang lanjut usia menderita kerana mengalami masalah osteoartritik.

Strategi untuk memenuhi keperluan: Untuk memastikan terdapat bilangan katil yang mencukupi bagi pesakit perempuan dan lelaki.

KKM: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Ibu mengandung dan pasangannya perlu diberi pendidikan mengenai penjagaan kesihatan untuk meningkatkan kesedaran terhadap risiko semasa mengandung dan melahirkan anak dengan tujuan memberi keutamaan kepada kesihatan ibu dan anak.

Murid sekolah dan remaja mengalami banyak masalah sosial seperti penagihan dadah, merokok, masalah perilaku dan lain-lain. Masalah ini sebahagian besarnya berlaku di kalangan remaja lelaki. Sebagai contoh, data daripada Banci Kesihatan Morbiditi Kebangsaan II 1996 mendapati secara keseluruhannya 16.8 peratus remaja merokok dan 30.7 peratus daripadanya merupakan remaja lelaki, manakala remaja perempuan 4.8 peratus.

KPT: UNIVERSITI

Universiti ini akan mengenal pasti perbezaan keperluan pelajar perempuan dan lelaki yang terlibat dalam perkhidmatan/program/aktiviti universiti ini.

KKLW: PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

Pendidikan awal kanak-kanak adalah penting kepada pembangunan kanak-kanak secara keseluruhan. Ini adalah penting, khususnya bagi kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah kerana ibu bapa (khususnya ibu) mungkin tidak mempunyai pendidikan dan sumber untuk menyediakan mereka dengan segala keperluan bagi pembangunan peringkat awal ini. Oleh itu, guru TABIKA perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran untuk mencapai matlamat tersebut.

KOTAK 3 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender (sambungan)

KKLW: PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (sambungan)

Kursus dan bengkel yang diberikan kepada guru TABIKA dari semasa ke semasa (latihan dalam perkhidmatan) akan meningkatkan kemahiran dan membantu mereka menjadi tenaga kerja yang terlatih. Bagi penjaga utama, kebiasaannya ibu, kemudahan yang disediakan oleh KEMAS memberi ruang kepada mereka untuk menjalankan aktiviti lain pada waktu siang termasuk menambah pendapatan atau melanjutkan pelajaran serta latihan.

9 Pelanggan

KKM: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Usaha sedang diambil untuk meningkatkan kesedaran kaum lelaki supaya lebih bertanggungjawab dan memainkan peranan dalam perancangan keluarga. Satu projek perintis dikenal sebagai 'Perkhidmatan Kesihatan Reproduktif Komprehensif', yang melibatkan empat buah klinik kesihatan, telah dilaksanakan dengan memberi keutamaan kepada kaunseling pasangan. Pendidikan kesihatan mengenai kaedah perancangan keluarga memberi penjelasan kepada pasangan berhubung dengan penggunaan pil perancang, kondom, implan dan sebagainya. Walau bagaimanapun pilihan kaedah perancangan ditentukan oleh pasangan yang ingin merancang keluarga. Pembantu perubatan yang bertanggungjawab merawat pesakit luar kini mempunyai maklumat mengenai pelbagai kaedah perancangan keluarga. Dengan ini, mereka boleh menyampaikan maklumat tersebut kepada pelanggan.

Isu menopause (putus haid) dan kekurangan androgen separa di kalangan kaum lelaki perlu diberi perhatian. Kesedaran kaum perempuan dan lelaki mengenai perubahan yang berlaku setelah mengalami menopause dan kekurangan androgen separa perlu ditingkatkan. Ini boleh mengurangkan tekanan mental yang dihadapi oleh kaum perempuan dan lelaki.

KPM: PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

~ Pelanggan langsung

- Pelajar perempuan dan lelaki berumur 6–13 tahun
- Guru perempuan dan lelaki
- Pengetua perempuan dan lelaki
- Kakitangan sokongan perempuan dan lelaki

KKLW: PEMBANGUNAN KANAK-KANAK

~ Pelanggan langsung

- Guru prasekolah (PM) TABIKA

~ Pelanggan tidak langsung

- Murid TABIKA, ibu bapa (terutamanya ibu yang pada kebiasaannya adalah penjaga utama), keluarga/komuniti luar bandar dan kumpulan berpendapatan rendah.

10 Fungsi

KKM: ORTOPEDIK

Bagi menyediakan pendidikan kesihatan kepada pesakit. Contohnya, bagaimana untuk mengelak kemalangan dan bagaimana untuk mencegah masalah osteoartritik yang berkaitan dengan usia.

KOTAK 3 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender (sambungan)**12 Spesifikasi output**

[Format yang ditunjukkan di bawah diguna pakai pada setiap tahun.]

KKM: ORTOPEDIK

Petunjuk	Setuju	Dicapai		Varian
		Jumlah	Lelaki Perempuan	
Bilangan pesakit luar	386,596	416,357		7.7
Bilangan pesakit dalam	182,441	80,595		-55.8
Bilangan pembedahan	217,732	200,696		-7.8
Kadar penginapan katil	81.4	64.9		-20.2
Tempoh masa purata tinggal (hari)	6.5	5.9		-9.2

KPT: UNIVERSITI

Kumpulan Sumber	Diluluskan Jumlah	Jumlah pada tahun dahulu (2002)		
		Lelaki	Dipenuhi Perempuan	Jumlah
Anggota pentadbiran dan lantikan undang-undang				
Kumpulan pengurusan tertinggi				
Kumpulan pengurusan dan profesional				
Kumpulan sokongan				
Jumlah				

KPM: PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

Petunjuk Prestasi	Setuju Jumlah	Dicapai		Varian
		Lelaki	Perempuan Jumlah	
Output 1: Pendaftaran murid				
~ Bilangan murid mendaftar untuk Tahun 1				
~ Bilangan murid mendaftar mengikut prosedur				
Output 2: Pengurusan pembelajaran				
~ Bilangan murid sekolah rendah yang menerima P&P				
~ Bilangan murid sekolah yang menerima P&P mengikut jadual				
Output 3: Pelaksanaan aktiviti kokurikulum				
~ Bilangan murid Tahap 2 yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum				

KOTAK 3 Contoh item dalam ABM-2 yang responsif gender (sambungan)
13 Petunjuk impak

KSM: JABATAN TENAGA MANUSIA

Petunjuk Impak	Pencapaian sebenar pada tahun (2003)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Liputan banci	1,507	320	1,827
Bilangan pelatih yang bekerja dalam bidang yang dilatih	814	138	952
Bilangan pelatih yang bekerja dalam tempoh sebulan selepas tamat latihan	309	46	355
Bilangan pencari kerja yang mempunyai latihan kemahiran	361	79	440
Pertambahan bilangan pekerja terlatih dalam pasaran	8,000		8,000
Bilangan firma yang menghantar kakitangan untuk mengikuti latihan di ILJTM	250		250

KKM: PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

Petunjuk Impak	Pencapaian sebenar pada tahun terdahulu (2002)
% kelahiran hidup dengan berat kelahiran bawah 2.5 kg (1996)	7.5
Kadar kematian perinatal bagi setiap 1,000 kelahiran	10.0
Kadar kematian bayi bagi setiap 1,000 kelahiran	7.7
Kadar kematian bayi lelaki	?
Kadar kematian bayi perempuan	?
Kadar kematian kanak-kanak (1–4 tahun)	
~ Mengikut perempuan dan lelaki	?
~ Mengikut kumpulan etnik	?
~ Mengikut bandar/luar bandar	?
Kadar kematian maternal bagi setiap 100,000 kelahiran (1997)	
~ Semenanjung Malaysia	30
~ Sarawak	30
~ Sabah	70

14 Pelan penilaian program

KKM: ORTOPEDIK

Isu yang akan dinilai pada tahun 2004/5: Mengambil kira perspektif gender apabila membuat anggaran beban tugas di peringkat nasional, penggunaan sumber, sasaran pembangunan dan piawai untuk penjagaan optimal dalam konteks Malaysia dan menilai kualiti penjagaan dalam amalan ortopedik.

Bajet pembangunan

Format piawai Malaysia bagi bajet pembangunan (rujuk Jadual 6) berbeza daripada format bajet mengurus. Format bajet pembangunan tidak mempunyai banyak ruang untuk perbincangan. Ia lebih bergantung kepada jawapan ya/tidak (Y/T) atau maklum balas lain yang mudah untuk

dimasukkan ke dalam komputer atau pengkomputeran.

Namun begitu, perkara yang ditulis dengan huruf condong di dalam jadual menunjukkan terdapat banyak bilangan elemen yang melibatkan gender atau isu kesaksamaan lain.

Jadual 6 **Format bajet pembangunan**

- 1 Kementerian
- 2 Agensi
- 3 Agensi pelaksana
- 4 Maksud pembangunan
- 5 Butiran
- 6 Nama program/projek
- 7 Skop program/projek
- 8 Sektor
- 9 Jenis program/projek
- 10 *Objektif*
- 11 *Keutamaan*
- 12 *Tempat dari segi negeri dan daerah*
- 13 *Sasaran projek adalah untuk pembangunan kawasan/penduduk luar bandar (Y/T)*
- 14 Pihak berkuasa tempatan
- 15 Kawasan parlimen
- 16 Kawasan dewan undangan negeri
- 17 *Kawasan dari segi bandar raya, luar bandar atau kedua-duanya*

Jadual 6 Format bajet pembangunan (sambungan)

- 18 Petunjuk projek:
 - (a) Program pembasmian kemiskinan (Y/T). Jika ya, nyatakan peratus peruntukan untuk setiap program:
 - (i) Penambahan pendapatan
 - (ii) Infrastruktur asas
 - (iii) Pembangunan insan
 - (iv) Lain-lain
 - (b) Program penyusunan semula masyarakat:
 - (i) Pembangunan usahawan Bumiputera (Y/T)
 - (ii) Pendidikan dan latihan Bumiputera (Y/T)
 - (iii) Lain-lain (Y/T)
 - (c) Program Alam Sekitar (Y/T)
 - (d) Projek KESBAN (Y/T)
 - (e) Projek IT (Y/T)
 - (f) Mengambil kira isu utama gender (Y/T)
- 19 Sama ada program dilaksanakan secara penswastaan (Y/T)
- 20 Sama ada program akan melibatkan pembayaran tertangguh (Y/T)
- 21 Kaedah pelaksanaan (contoh tender terbuka)
- 22 Jangka masa pelaksanaan-tahun program mula dan selesai dilaksana
- 23 Pengagihan (mengikut tahun) daripada jumlah kos program mengikut jenis perbelanjaan pembangunan
- 24 Jumlah kos projek/program
- 25 Peratusan jumlah kos yang dibiayai hasil tempatan dan asing pada setiap tahun
- 26 Penggunaan bahan pembinaan
- 27 Jumlah peruntukan dalam RMke... yang diperuntukkan daripada sumber Kerajaan Persekutuan
- 28 Jumlah peruntukan daripada sumber kerajaan pada tahun semasa
- 29 Sumber mengikut punca dan jenis sumber dan tahun
- 30 Perbelanjaan pengurusan
- 31 Keperluan sumber manusia dari segi:
 - (a) Pengurusan tertinggi
 - (b) Pengurusan dan profesional
 - (c) Kumpulan sokongan
- 32 Sasaran fizikal (yang mana berkenaan) mengikut tahun
 - (a) %
 - (b) hektar
 - (c) bilangan
 - (d) kilometer
 - (e) kerja pembinaan (%)
 - (f) perolehan (%)
 - (g) lain-lain

Sumber: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Sebagai tambahan kepada format piawai yang ditunjukkan dalam Jadual 6, kementerian perlu menyediakan kertas cadangan bagi setiap projek. Kertas cadangan ini mengandungi penjelasan secara naratif berbanding dengan format piawai yang direkodkan ke dalam sistem komputer. Oleh yang demikian, kertas cadangan ini merupakan instrumen yang ideal bagi memastikan bajet yang responsif gender. Maklumat terperinci mengenai latar belakang projek, komponen, anggaran kos, output dan faedah yang dijangka serta justifikasi projek ditingkaskan dalam kertas cadangan projek ini.

Data mengikut pecahan gender untuk bajet pembangunan

Data mengikut pecahan gender juga berguna dalam merangka program bajet pembangunan. Bagi tujuan pelaksanaan perintis, kesemua empat kementerian telah diberi satu senarai semakan yang mengandungi data yang difikirkan perlu dalam menganalisis program yang telah dipilih. Kotak 4 mengandungi contoh yang menunjukkan bagaimana kementerian perintis mengambil kira gender dalam kertas cadangan projek bagi pelbagai projek pembangunan.

KOTAK 4 Contoh item dalam cadangan projek yang responsif gender

I Latar belakang projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN

Rumah yang lengkap—minimum 3 bilik (untuk ibu bapa, anak perempuan dan anak lelaki)—merupakan komponen kemudahan asas yang diperlukan oleh keluarga miskin. Keutamaan diberikan kepada ketua isi rumah miskin perempuan kerana polisi memberi tumpuan kepada ibu tunggal dengan tanggungan.

KPT: KEMUDAHAN PERUMAHAN KUSTEM

Memandangkan 70 peratus daripada pelajar KUSTEM adalah perempuan, tujuh daripada sepuluh blok asrama diperuntukkan kepada mereka dan tiga untuk pelajar lelaki.

II Objektif projek

KKM: KEMUDAHAN KESIHATAN BANDAR

Untuk menyediakan penjagaan kesihatan bagi penduduk di kawasan bandar dan meningkatkan kesejahteraan serta membantu memaksimumkan pemulihan daripada penyakit, tumpuan khusus diberikan kepada kumpulan berikut:

- ibu mengandung dan bayi baru lahir
- bayi dan kanak-kanak kecil
- murid sekolah dan remaja
- orang tua
- kanak-kanak istimewa

KOTAK 4 Contoh item dalam cadangan projek yang responsif gender (sambungan)

III Komponen projek

KSM: ILP SELANDAR, MELAKA

Cadangan projek ini mengandungi pelbagai komponen seperti berikut:

(b) Bangunan dan kemudahan

Bangunan dan kemudahan yang terdapat dalam institut ini termasuk:

- (iii) Asrama bagi menempatkan 300 pelatih lelaki dan 300 perempuan. Asrama perempuan akan dipagar untuk tujuan keselamatan ...
- (viii) Surau untuk perempuan dan lelaki ...
- (x) Kemudahan rekreasi untuk perempuan dan lelaki ...

KKM: KEMUDAHAN KESIHATAN LUAR BANDAR

Kemudahan tambahan akan dibina bagi menyediakan ruang yang mencukupi untuk menjalankan skop perkhidmatan baru seperti kesihatan remaja (kaunseling untuk remaja perempuan dan lelaki), perkhidmatan pemulihan untuk golongan kurang upaya serta perkhidmatan untuk orang tua perempuan dan lelaki.

IV Anggaran kos projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN

Pembinaan semula/pembinaan rumah baru (3 bilik, keselamatan mengikut keperluan dan dapur yang sesuai):

RM10,370++ (Semenanjung Malaysia) RM11,930++ (Sabah & Sarawak)

V Jangkaan output dan faedah daripada projek

KSM: ILP SELANDAR, MELAKA

Latihan kemahiran akan menyediakan peluang sama rata kepada lepasan sekolah lelaki dan perempuan kerana pemilihan pelatih dibuat berdasarkan kelayakan dan bukannya jantina. Melihat kepada trend permohonan yang diterima sehingga kini, terdapat pertambahan bilangan pemohon perempuan. Ini akan meningkatkan kadar penyertaan pelatih perempuan dalam kemahiran peringkat tinggi.

VI Justifikasi projek

KKLW: PROJEK BANTUAN PERUMAHAN

Rumah yang selesa dan selamat akan mewujudkan persekitaran yang aman. Rumah yang lebih baik akan menggalakkan penerimaan kepada perubahan. Sasaran bantuan kepada ketua isi rumah perempuan akan meringankan bebanan mereka.

Aktiviti bajet gender adalah sesuatu yang baru di Malaysia. Ia juga secara relatifnya baru di negara lain di dunia. Seksyen ini menjawab soalan yang kerap ditanya mengenai aktiviti bajet gender di Malaysia dan negara lain.

1 Apakah yang dimaksudkan dengan bajet gender?

Bajet gender ialah bajet yang peka gender, iaitu ia memenuhi keperluan dan kepentingan kumpulan penduduk yang berbeza. Aktiviti bajet gender bukan mengenai bajet yang berasingan untuk perempuan. Ia mengambil kira perspektif gender dalam bajet negara supaya sumber diperuntukkan secara saksama bagi memenuhi keperluan yang berbeza antara perempuan dan lelaki. Oleh yang demikian, bajet yang peka terhadap gender akan dapat memenuhi keperluan penduduk dan negara secara menyeluruh. Ia akan memastikan negara menggunakan potensi setiap penduduk dengan sepenuhnya.

2 Bagaimanakah gender relevan di luar perkhidmatan sosial?

Dasar Wanita Negara dan Rancangan Malaysia Kelapan memberi penekanan terhadap kepentingan menggunakan potensi sumber manusia sepenuhnya. Oleh yang demikian, dokumen-dokumen ini menunjukkan gender adalah penting dalam menilai dan merangka

program dan bajet bagi yang berkaitan ekonomi seperti di Pembangunan Sumber Manusia, Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Perkhidmatan perlindungan kerajaan juga memberi kesan yang berbeza kepada perempuan dan lelaki. Secara umumnya, kaum lelaki lebih prihatin terhadap jenayah harta benda dan kaum wanita pula terhadap jenayah personal. Oleh itu, tumpuan kerajaan dalam mengagihkan sumbernya dapat memenuhi keperluan mereka yang berbeza. Infrastruktur juga memberi kesan yang berbeza kepada perempuan dan lelaki. Sebagai contoh, memandang kaum wanita lebih cenderung untuk bekerja dari rumah berbanding lelaki, perkhidmatan asas yang baik dan mampu dimiliki menjadikan mereka lebih cekap. Perkhidmatan tersebut juga mengurangkan bebanan tugas rumah tangga tanpa bayaran.

3 Adakah pengenalan aktiviti bajet gender di Malaysia memberi gambaran kerajaan Malaysia pada masa ini mendiskriminasikan kaum wanita?

Keputusan untuk memperkenalkan aktiviti bajet gender di Malaysia tidak memberi gambaran bahawa kerajaan sehingga kini gagal untuk menangani isu gender. Ia juga tidak memberi gambaran berlaku diskriminasi terhadap wanita di Malaysia. Aktiviti bajet

gender merupakan bukti kerajaan Malaysia bertekad untuk mencapai kesamaan gender dan menggalakkan pembangunan wanita. Ia menyediakan kaedah pelaksanaan kepada kerajaan untuk memantau dan menilai pencapaiannya dalam bidang ini. Ia menyediakan maklumat pencapaian kerajaan kepada ahli parlimen dan pihak lain terhadap pencapaian kerajaan.

4 Apakah faedah yang diperoleh oleh kerajaan daripada aktiviti bajet gender?

Pendekatan bajet gender ialah alat yang dapat menambah baik atau memperkukuhkan (a) penentuan keutamaan, (b) perancangan, (c) pengurusan pelaksanaan, (d) penilaian dan pemantauan, dan (e) penilaian impak. Semua ini adalah fungsi yang sentiasa cuba diperkemaskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP). Aktiviti bajet gender juga membantu mencapai matlamat Kementerian Kewangan untuk menjadikan kerja mereka lebih analitikal dan lebih memfokus kepada perancangan jangka panjang. Di samping itu, aktiviti bajet gender juga membantu memenuhi komitmen negara di peringkat antarabangsa dari segi Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Beijing +5 dan konvensyen-konvensyen lain.

Akhirnya, Malaysia boleh dengan mudah menjadi pemimpin dalam bidang ini dan memaparkan kecanggihan negara dalam dasar pentadbiran awam.

5 Adakah aktiviti bajet gender akan meningkatkan defisit bajet?

Aktiviti bajet gender bukan memerlukan 'lebih wang' bagi isu gender atau untuk kaum wanita. Aktiviti bajet gender ialah mengenai penentuan keutamaan daripada keseluruhan sumber peruntukan, tetapi melihat sama ada cara peruntukan kewangan diagihkan memberi impak terbaik kepada perempuan dan lelaki serta kumpulan penduduk yang berbeza. Di samping itu, ia melihat sama ada pengagihan sumber sedia ada merupakan cara yang paling berkesan, cekap, ekonomik dan saksama dalam mencapai objektif kerajaan termasuk objektif kesamaan gender dan pembangunan wanita.

6 Negara mana yang dapat memberi Malaysia panduan untuk melaksanakan aktiviti bajet gender?

Malaysia mempunyai sejarah dalam mempelajari pengalaman negara lain dan juga menggunakan cara tersendiri yang bersesuaian dengan keperluannya. Lebih daripada 60 negara telah melaksanakan aktiviti bajet gender, tetapi tiada negara yang dapat

memberi atau menyediakan panduan kepada Malaysia. Bajet piawai bagi semua negara adalah berbeza. Begitu juga, bajet gender berbeza mengikut negara. Berasaskan kepada pengalaman yang dipelajari daripada negara lain, Malaysia telah membangunkan pendekatan aktiviti bajet gender yang unik dan sesuai dengan situasi Malaysia.

7 Berapa banyak kerja tambahan yang terlibat dalam bajet gender?

Malaysia telah pun mempunyai format bajet yang menyediakan satu rangka kerja yang baik untuk bajet gender. Tidak seperti kebanyakan negara lain, Malaysia telah mempunyai format yang berorientasikan output. Format ini lebih memberi penekanan kepada impak yang merupakan teras atau komponen utama kepada aktiviti bajet gender. Format ini boleh disesuaikan dengan mudah untuk mengambil kira isu gender dalam huraian isu yang sedang ditangani dan objektif program. Ia juga memudahkan perspektif gender diintegrasikan dengan output dan impak lain.

Tidak seperti kebanyakan negara lain, bajet gender di Malaysia akan menjadi sebahagian daripada dokumen bajet utama dan bukannya dokumen yang berasingan. Ini bermakna kurang kerja-kerja tambahan yang perlu dilaksanakan. Apabila Malaysia memula-

kan aktiviti bajet gender, kerja-kerja tambahan yang perlu dilakukan adalah melatih kakitangan menggunakan format baru dan membuat analisis gender. Kerja-kerja tambahan perlu dilakukan dalam beberapa tahun yang akan datang sehingga format tersebut dikemas kini dan kementerian lain mula melaksanakan aktiviti bajet gender. Selepas itu, ia akan melibatkan kerja-kerja tambahan yang minimum kepada kakitangan.

8 Bagaimana kakitangan kementerian dapat mempelajari kerumitan berkaitan ekonomi, gender dan kemahiran lain?

Aktiviti bajet gender tidak sukar. Malaysia telah mempunyai hampir kesemua elemen yang diperlukan dalam format bajetnya. Aktiviti bajet gender hanya memerlukan sedikit perubahan dibuat ke atas prosedur sedia ada dan kakitangan akan diberi latihan praktikal. Pengalaman di negara lain menunjukkan bahawa cara terbaik untuk mempelajari aktiviti bajet gender ialah menerusi amalan melaksanakan bajet gender. Seperti inovasi lain, pada tahun pertama pelaksanaan, dokumen yang dihasilkan tidak sempurna. Pada masa akan datang, kakitangan yang akan memperoleh lebih pengalaman akan memperkembangkan dokumen tersebut.

9 Bagaimana kakitangan boleh melaksanakan tugas ini tanpa data yang peka gender?

Kita sering kali mendengar dakwaan bahawa negara kita tidak mempunyai data yang peka gender dan data mengikut pecahan gender. Ini adalah dakwaan yang telah diperbesar-besarkan. Jabatan Perangkaan menyediakan pelbagai jenis data dan setiap kementerian pula menghasilkan data pentadbiran. Masalah utama ialah pengguna yang berpotensi tidak mengetahui kewujudan data tersebut atau di mana data tersebut boleh diperoleh. Aktiviti bajet gender juga menghasilkan data kerana pengurus program menyedari akan keperluan mengumpul maklumat dan mengasingkan statistik sedia ada mengikut pecahan gender. Di peringkat permulaan terdapat cabaran yang mana cabaran tersebut akan berkurangan mengikut peredaran masa.

10 Malaysia mempunyai banyak kementerian — bagaimanakah kita boleh mengubah cara mereka bekerja?

Melalui projek perintis menerusi empat (kemudian lima) kementerian dan program-program terpilih, kerajaan telah menguji kaedah bajet gender dan memperkukuhkannya.

Malaysia kini mempunyai format yang baik dan mudah diguna pakai dengan berkesan. Di samping itu, kementerian perintis mempunyai pegawai yang berpengalaman yang akan memainkan peranan sebagai jurulatih kepada kementerian lain.

11 Bagaimanakah sebuah kementerian baru seperti KPWK dapat memaklumkan kepada kementerian lain mengenai apa yang perlu dilakukan?

KPWKM ialah sebuah kementerian baru yang kecil kerana peranan utamanya bukan sebagai pelaksana. Kementerian ini merupakan penyokong kepada penggubalan dasar yang lebih baik. Peranannya adalah untuk membantu kementerian lain menjadi lebih peka terhadap gender dalam melaksanakan tugas mereka. Kementerian Kewangan dengan sokongan UPE memainkan peranan utama dalam inisiatif bajet gender. Agensi ini telah menyetujui format dan pendekatan dalam bajet gender. Mereka mengeluarkan arahan dan memantau pelaksanaannya. KPWK memberi sokongan kepada kementerian yang memerlukan bantuan. Contohnya, berkaitan dengan analisis gender.

CEDAW	Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita
UPE	Unit Perancang Ekonomi
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
GRB	Bajet yang Responsif Gender
UPP	Unit Penyelarasan Pelaksanaan
TM	Teknologi Maklumat
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KPLB	Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
RRJP3	Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga
UNDP	Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 1–5, Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana, Jalan Dato’ Onn, 50515 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2693 0095 Faks: 03 2698 5982 Laman web: www.kpwkm.gov.my

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
Wisma UN, Blok C, Kompleks Pejabat Damansara, Jalan Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03 2095 9122 Faks: 03 2095 2870 Laman web: www.undp.org.my